

Khamis, 7 Mei 2020 | 8:58pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi (tengah) meneliti harga sayuran dalam lawatan kerjanya di pasar raya TF Value Mart Seri Manjung, Manjung, hari ini. - NSTP/NOOR HIDAYAH TANZIZI

## Skim harga kawalan sempena Aidilfitri tetap dilaksana

Oleh Noor Hidayah Tanzizi  
bhnews@bh.com.my

**MANJUNG:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terus melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan sempena Aidilfitri tahun ini biarpun berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata kaedah pelaksanaan akan diumumkan dalam masa terdekat dan pihaknya sudah mengenal pasti barangan yang tersenarai di bawah skim berkenaan.

"Kita bersedia melihat harga sepatutnya sebagai harga maksimum. Kita mahu jaga kepentingan orang ramai dan melihat kepentingan peniaga, sebab itu kita cari harga yang patut untuk semua pihak.

"Kita sudah melihat 11 barangan seperti ayam, telur, daging selalu naik harga pada musim perayaan.

"Senarainya akan diumumkan. Kita yakin harga maksimum boleh diterima semua pihak," katanya pada sidang media selepas melawat pasar raya TF Value Mart Seri Manjung di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Alexander berkata, sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu hingga kini, sebanyak 26 kes penyeludupan minyak masak, petrol dan diesel direkodkan di kawasan sempadan Kelantan.

Katanya, penyeludupan tiga jenis minyak berkenaan membabitkan rampasan bernilai RM157,000.

"Lebih 47,000 pemeriksaan dijalankan membabitkan tiga kategori iaitu peruncit, pemborong dan pengilang di seluruh negara bagi memantau harga dan bekalan barangan," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686376/skim-harga-kawalan-sempena-aidilfitri-tetap-dilaksana>

